



PERPADUAN DICARI: Abdullah bersama pegawai tinggi akhbar Nihon Keizai Shimbun pada satu pertemuan di Tokyo, semalam.

Perpaduan Asia Timur mesti diperkukuh: PM

BH - 26/5/2006

Tiga cabaran penting ke arah masyarakat serantau lebih bersatu

Mutazar Abd Ghani
di Tokyo, Jepun



DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menggariskan tiga cabaran penting dan mendesak yang dihadapi Asia Timur ke arah pembentukan sebuah masyarakat serantau yang kukuh, mempunyai matlamat sama dan bersatu padu.

Perdana Menteri berkata, cabaran itu ialah penyatuan, meningkatkan tekad di kalangan setiap negara anggota serta pelaksanaan segala inisiatif yang sudah dipersetujui.

Katanya, usaha ke arah penyatuan menjadi cabaran terpenting kerana tanpa perpaduan kukuh di kalangan anggotanya, apa juga kumpulan bakal menuju kegagalan.

Beliau berkata, dalam tempoh dua tahun lalu, isu penyatuan di kalangan negara Asia Timur berdepan keadaan yang meruncing, khususnya hubungan China-Jepun yang kini berada pada tahap paling rendah.

"Saya kecewa apabila mesyuarat hubungan dua hala antara Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi dan Naib Presiden China, Wu Yin yang tidak menjadi kenyataan. Secara ikhlas, saya nyatakan keada-

annya menjadi semakin buruk.

"Perjalanan ekonomi kita bergerak ke satu arah, tapi perkembangan politik ke arah lain. Selain kesukaran dalam hubungan Beijing-Tokyo, hubungan Seoul-Tokyo juga semakin tegang, manakala negara Asia Tenggara pula berdepan masalah belum diselesaikan.

"Kita mesti hentikan unsur tidak sihat dan bekerjasama rapat serta mengembalikan perpaduan. Jika kita tidak dapat menyelesaikan perbalahan, sekurang-kurangnya kita cubalah mempunyai sentimen sederhana terhadap satu sama lain," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menyampaikan ucapan tasmu yang bertemakan 'Cabaran Bagi Masyarakat Asia Timur' pada Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-12, di sini, semalam.

Ini kali ketiga Abdullah menyampaikan ucapan persidangan anjuran akhbar *Nihon Keizai Shimbun*, sebuah akhbar perniagaan berpengaruh di Jepun dan ia sebahagian program lawatan beliau ke sini.

Antara tokoh lain menghadiri persidangan kali ini ialah bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; Menteri Mentor Singapura Lee Kuan Yew; Naib Presiden Indonesia Yusuf Kalla; dan bekas Menteri Kewangan Jepun, Eisuke Sakakibara.

Dalam ucapan secara berterus terang kira-kira 40 minit itu, Perdana Menteri menegaskan setiap negara terbabit perlu menghentikan kemerosotan dalam hubungan pada masa ini dengan bertaut pada usaha penyatuan Asia Timur.

Beliau juga mengingatkan Asia Timur berhati-hati supaya sejarah tidak berulang apabila penjajah memecah dan membahagi-bahagikan Asia mengikut sesuka hati mereka.

"Kerjasama serantau tidak harus tergadai akibat kekangan dua hala," katanya.

Abdullah berkata, cabaran kedua Asia Timur ialah usaha ke arah menguatkan tekad di kalangan negara serantau supaya proses Asean+3, dengan Asean sebagai paksinya, terus menjadi landasan utama untuk membangunkan masyarakat.

“ Kita mesti hentikan unsur tidak sihat dan bekerjasama rapat serta mengembalikan perpaduan”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Katanya, wujud kebimbangan bahawa jika kerjasama Asia Timur kuat, ia akan melemahkan kerjasama di kalangan negara Asean, selain menjejaskan masyarakat Asean apa bila ia menjadi sebahagian masyarakat Asia Timur.

Beliau berkata, kebimbangan itu sebenarnya tidak berasas, sebaliknya hanya menjejaskan persefahaman bersama yang sedia terjalin.

Perdana Menteri berkata, cabaran terakhir Asia Timur adalah melaksanakan sepenuhnya inisiatif serta program yang sudah dipersetujui dan yang akan dirangka pada masa depan.

Katanya, Asia Timur ketinggalan dalam pelaksanaan langkah dipersetujui sebelum ini, termasuk usaha membasmi kemiskinan yang menjadi kebimbangan kebanyakan negara membangun.

Beliau berkata, ia juga ketinggalan dalam merealisasikan inisiatif ke arah penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Asia Timur, satu projek yang lama dicadangkan dan sepatutnya diberi keutamaan.

"Penyatuan dan tekad membangunkan komuniti Asia Timur tidak memberi makna jika negara anggota di rantau ini tidak bersungguh-sungguh untuk melaksanakan sepenuhnya inisiatif dan program yang sudah dipersetujui," katanya.